

Keselamatan Insan di Malaysia dan Indonesia

dari Perdagangan Manusia ke Pemanasan Global

disunting oleh
Rashila Ramli
Nor Azizan Idris

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2013
<http://www.ukm.my/penerbit>

Cetakan Pertama / First Printing, 2013
Hak cipta/Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
<http://www.ukm.my/penerbit>
e-mail: penerbit@ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota/is a member of the
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SEHOLARLY BOOK COUNCIL/
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/Membership No. 198302

Atur huruf oleh / Typeset by
RTS TYPESETTING AND TRADING
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,
Selangor D.E., MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

pustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

keselamatan insan di Malaysia dan Indonesia: Dari pemerdagangan
manusia ke pemanasan global / disunting oleh Rashila Ramli,
Nor Azizan Idris

Bibliografi ms.

I. Social security. 2. Public safety. I. Rashila Ramli, 1962-.
II. Nor Azizan Idris, 1960-.

363.1

Kandungan

Senarai Singkatan ... 7

Senarai Jadual dan Rajah ... 9

BAB 1 Konsep dan Isu Keselamatan Insan ... 11
Rashila Ramli & Nor Azizan Idris

BAB 2 Mangsa Perdagangan Manusia dan Mangsa Yang
diperdagangkan ... 32
Nafisah bte Ilham Hussin

BAB 3 Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita dan
Pemeriksaan Wanita di Malaysia ... 58
Sharifah Syahirah bte Syed Sheikh

BAB 4 Peranan Elit Bukan Politik dalam Penggubalan Pembuatan
Akta Keganasan Rumahtangga di Malaysia dan Indonesia
... 81
Diana Fawzia As

BAB 5 Keselamatan Insan dan Kesan Pengedaran SKR di Wilayah
Konflik di Indonesia ... 101
Denik Iswardani Witarti

BAB 6 Dasar Makanan Negara: Ke Arah Self Sufficiency,
Bolehkah Terus Bergantung Kepada Import? ... 118
Rasheed Mohamed Kutty

BAB 7 Menangani Pemanasan Global dan Keselamatan Insan
... 145
Nur Azah bte Razali

Rujukan ... 173

Biodata Penulis ... 189

Indeks ... 191

3. Kesetaraan dan Keadilan Gender adalah suatu keadaan dimana diperoleh penilaian dan penghargaan yang sama oleh masyarakat terhadap persamaan dan perbedaan perempuan dan laki-laki serta pelbagai peranan mereka.
4. Lihat Shanthi Dairiam dalam "The Struggle for Women 's Right in Malaysia" *Canadian Woman Studies Journal*, Volume 15 , No 2 & 3
5. Antaranya *New Straits Times*, 1996 "Move it Minister"
6. Op.cit
7. Yuni Satya Rahayu dalam "Gerakan Wanita Dalam Negara Korporatis, Kajian NCWO dan JAG dalam Penggubalan Akta Keganasan Rumah tangga", Tesis Doktorat Sains Politik FSSK, UKM
8. Lihat Ratna Batara Munti dalam "Advokasi Legislatif untuk Perempuan, Sosialisasi Masalah dan Draft RUU Kekerasan Dalam Rumah tangga" hal 1-5
9. Sistem hukum yang dimaksud adalah substansi hukum, struktur dan budaya hukum di Indonesia
10. Ratna Batara Munti dalam Suara APIK Edisi 5, Tahun 1997 hal 4
11. Sharifah Syahirah dalam The Implementation of CEDAW in Malaysia: A Human Rights-Based Analysis. Penyelidikan yang tidak diterbitkan.
12. Thesaurus of Oxford Dictionary, 1995
13. Lihat Chusnul Mar'iyah dalam *Jurnal Perempuan* edisi 07 Mei-Juli 1998, hal 16-17. Lihat juga Parpart, Jane L, Shirin M Rai, Kathleen Staudt. 2002. *Rethinking Em(power)ment, Gender and Development*. London: Routledge, Taylor & Francis Group
14. Hal mana dinyatakan sebagai dua dimensi analitikal daripada konsep kuasa

BAB 5

Keselamatan Insan dan Kesan Pengedaran SKR di Wilayah Konflik di Indonesia

Denik Iswardani Witarti

Pengenalan

Kewujudan konflik-konflik dalaman di seluruh dunia telah menjadi fenomena di era pasca Perang Dingin. Konflik-konflik yang pada mulanya adalah konflik dalaman berlaku kerana perbezaan etnik atau agama berkembang menjadi perang sivil yang ganas. Rantau yang paling terjejas akibat perang saudara ialah Afrika dan Asia (SIPRI 1999, *Small Arms Survey* 2001). Dalam keadaan yang demikian, Senjata Kecil Ringan (SKR) menjadi keperluan utama bagi sesiapa jua pihak yang terlibat dalam konflik. Bekalan senjata di wilayah konflik tidak pernah menjadi masalah kerana ia berpandukan kepada penawaran dan permintaan.

Kajian Craft dan Smaldone (2002) mengenal pasti adanya keterlibatan perdagangan senjata di Sub-Sahara Afrika dalam konflik-konflik dalaman di rantau. Negara pembekal tidak melengkapinya kawalannya terhadap perdagangan senjata mereka, sehingga senjata-senjata ini berleluasa di pasaran gelap senjata. Manakala Karp (1995) mendapati bahawa SKR bila berada pada pemberontak atau dalam konflik etnik cenderung untuk terus berada dalam konflik. Senjata-senjata ini cukup untuk menubuhkan dan mengekalkan sebuah pemberontakan serta memecahkan kuasa kerajaan. Beliau memberikan bukti kes yang berlaku di Vietkong pada pertengahan tahun 1960-an. Ianya juga berjaya pada kes *Kurdish Worker's Party* di Turkey, *Shining Path* di Peru, dan *Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE) di Sri Lanka. Kajian Makiano dan Lubang (2001) yang mengambil kes di Mindanao, Filipina, menunjukkan bahawa peredaran SKR telah menambah kekuatan *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan memburukkan lagi konflik yang berlaku di Mindanao.

Pengedaran haram dan penyalahgunaan SKR di daerah konflik telah membawa kesan kemanusiaan. Semenjak Perang Dunia II, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yakin bahawa SKR bertanggungjawab ke atas tewasnya 90 peratus mangsa yang terkorban di dalam perang. Mangsa utama daripada keganasan yang berlaku akibat penggunaan senjata ialah masyarakat awam dan sebanyak 80 peratus di antaranya ialah wanita dan kanak-kanak (*Small Arms Survey* 2005). Antara 200,000–270,000 (bahkan *Small Arms Survey* menyebutkan hingga 500,000) orang kehilangan nyawa di dalam negara-negara yang boleh dikatakan damai dan lebih daripada lima kali terkorban secara langsung di dalam situasi perang setiap tahun (*Human Security Report* 2005). Mereka yang terkorban sebagai pejuang (*combatant*) dalam konflik saudara dan perang antara negara, terlibat dalam pertelingkahan antara geng dan aksi jenayah, mangsa kekerasan serta keganasan yang dilakukan oleh kerajaan ataupun pihak penguatkuasa, mangsa pembunuhan diri dan pembunuhan serta aksi-aksi kekerasan lainnya (*Small Arms Survey* 2001). Majoriti pengguna mahupun mangsa yang terkorban yang disebabkan oleh senjata secara global adalah lelaki. Pertubuhan Kesihatan Dunia (World Health Organization) atau WHO mendapati jumlah terbesar mangsa akibat keganasan bersenjata adalah lelaki muda berusia antara 14–44 tahun (WHO 2002). Daripada jumlah mangsa yang terkorban, SKR adalah senjata pembunuhan yang tertinggi berbanding senjata-senjata lain seperti senjata nuklear, kimia dan biologi.

Bab ini membincangkan impak pengedaran haram SKR ke atas keselamatan insan dengan penumpuan terhadap kajian kes di negara Indonesia. Satu dekad kebelakangan, Indonesia telah dilanda konflik dalaman di mana hampir kesemuanya menggunakan SKR. Penggunaan SKR telah menjadi pilihan kerana ciri-ciri senjata ini yang mudah digunakan. Bentuk fizikal senjata yang lebih kecil mudah diseludup dari satu sempadan ke sempadan lain. Malah penghasilan senjata ini yang sangat banyak, terutama di rantau Asia Tenggara tidak pernah menjadi masalah dalam aspek perolehan bekalan.

Pengistilahan

Secara am, SKR termasuk antara peralatan yang boleh membawa maut seperti pistol hingga pelbagai jenis senjata mudah alih yang digunakan misalnya untuk sistem pertahanan udara. Istilah SKR merangkumi tiga

kategori iaitu senjata kecil, senjata ringan serta amunisi dan bahan letupan. Namun demikian, di Indonesia pengaturan mengenai bahan letupan ialah terpisah dengan undang-undang mengenai senjata api dan amunisi. Merujuk kepada Surat Keputusan Ketua Polis Republik Indonesia, definisi senjata api adalah senjata yang mampu melepaskan satu atau sejumlah pelancar dengan bantuan bahan letupan. Antara yang termasuk dalam takrifan senjata api ialah bahagian-bahagian senjata api, meriam dan senjata pemancut api serta bahagian-bahagiannya, senjata tekanan udara dan senjata tekanan pegas kaliber 5.5 mm atau lebih, pistol, revolver atau pun senapang sama ada ia boleh diisi dengan peluru tajam atau hanya dapat diisi dengan peluru getah, peluru gas dan peluru hampa, senjata bimbis yang menggunakan aliran elektrik, mahupun senjata-senjata yang serupa dengan senjata-senjata di atas yang boleh digunakan untuk mengugut atau menakutkan orang (Skep 2000).

Konflik di Indonesia

Konflik-konflik yang berlaku di Indonesia bukanlah merupakan masalah yang baru. Masyarakat majmuk di Indonesia yang terdiri daripada beratus-ratus suku kaum, agama dan kepercayaan yang berbeza memudahkan konflik horizontal berlaku di dalam masyarakat. Manakala konflik vertikal yang berlaku di antara pemerintah dengan pihak-pihak pembangkang akibat ketidakpuasan terhadap dasar yang dikeluarkan penguatkuasa juga seringkali terjadi. Namun demikian, sepanjang era pemerintahan Presiden Soeharto penduduk yang berbeza kaum ini hidup dalam suasana rukun dan harmoni. Perbezaan masyarakat yang dihadapi dapat diatasi melalui program-program pemajuan daerah dan pembangunan di seluruh aspek. Soeharto tidak mengamalkan sikap toleransi terhadap berbagai-bagai pandangan yang muncul. Selama tiga puluh dua tahun pemerintahannya, Soeharto berjaya menindas para pembangkang yang mengkritik setiap dasar yang dikeluarkannya.

Selepas kejatuhan Presiden Soeharto tahun 1998, konflik-konflik dalaman semakin wujud di Indonesia seperti di Maluku, Poso, Aceh dan Papua. Situasi politik yang tidak stabil menjadi pemangkin kewujudan konflik-konflik dalaman dan memburukkan lagi konflik yang sedia ada. Konflik-konflik dalaman tersebut semakin ganas dengan maraknya seiring dengan penggunaan senjata api yang telah menggantikan senjata-senjata tradisional seperti badik, pedang, panah dan sebagainya.

Konflik di Maluku dan Poso merupakan contoh konflik horizontal yang berlaku di Indonesia. Kedua-duanya bermula daripada rusuhan dalaman masyarakat yang kemudian berkembang menjadi konflik komunal yang hebat. Isu-isu sensitif seperti agama dan perkauman menyebabkan konflik ini semakin ganas.

Konflik yang berlaku daripada tahun 1999 sehingga 2002, bermula daripada perkeltahan di antara dua pemuda yang terjadi di Batu Merah Mardika, Ambon pada 19 Januari 1999. Perkelahan ini dalam beberapa hari kemudian berkembang dengan cepat menjadi rusuhan (Global Security 2000). Konflik ini turut dikenali sebagai konflik agama antara kumpulan Islam dengan Kristian.

Konflik di Poso pula bermula daripada rusuhan yang berlaku di antara warga masyarakat setempat. Ia berkembang menjadi konflik komunal apabila isu-isu mengenai perbezaan agama dan etnik beredar di dalam masyarakat. Tindakan polis melakukan "tembak di tempat" bagi para perusuh serta penangkapan sejumlah warga tempatan telah meningkatkan keganasan di dalam masyarakat tersebut.

Selain konflik-konflik ini, Indonesia juga menghadapi konflik bersenjata di Aceh dan Papua. Gerakan-gerakan pemisah di kedua-dua wilayah bergejolak tersebut mempunyai tujuan untuk memisahkan diri dari Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Pemberontakan di Aceh bermula apabila Tengku Daud Beureuh, seorang ulama, melancarkan gerakan Darul Islam (DI) dengan tujuan ingin menguatkuasakan Islam sebagai struktur dasar negara. Gerakan DI ini pada mulanya sama sekali tidak berniat untuk memisahkan diri dari NKRI. Namun oleh kerana perjanjian pemerintah pusat untuk memberikan autonomi khusus kepada Aceh tidak dilaksanakan maka keinginan memisahkan diri dari NKRI telah muncul. Kemudian Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang ditubuhkan oleh Muhammad Hasan di Tiro dan pada 4 Disember 1976 telah mengisytiharkan kemerdekaan Aceh.

Bermulanya sejarah konflik di Papua adalah semenjak penyatuan Papua dengan Republik Indonesia. Pada awal kemerdekaan Republik Indonesia, telah berlaku perselisihan oleh para pemimpin bangsa Indonesia mengenai nasib Papua, sama ada Papua menjadi sebahagian daripada Indonesia mahupun sebaliknya. Dengan itu, ada puak-puak yang tidak berpuas hati dengan hasil Penentuan Pendapat Rakyat (PEPERA) yang menyatakan bahawa melalui Resolusi PBB Nombor 2504 pada 19 November 1969 Irian Barat secara rasmi menjadi wilayah Indonesia dan sah menurut hukum Internasional (Juwana 2000). Sebagai tindakan

melawan, pada tahun 1964 Organisasi Papua Merdeka (OPM) secara rasmi telah ditubuhkan. Kemudian, pada 4 April 1965 Negara Papua diisytiharkan Merdeka di Manokwari, dan di sinilah penentangan bersenjata yang dipimpin oleh John Ariks dan kemudiannya Mandajian bersaudara serta Awon bersaudara bermula (Kholifan 1999).

Konflik di Aceh dan Papua semakin marak apabila masyarakat merasakan ketidakadilan dalam pengurusan sumber alam. Dasar yang dikeluarkan oleh pemerintah seringkali kurang memihak kepada penduduk asli. Selama era pemerintahan Soeharto, negara kerap memberi konsesi kepada pihak-pihak pengurusan sumber alam dengan menafikan hak-hak adat masyarakat orang asli Papua. Keadaan ini diperburukkan lagi dengan tindakan-tindakan ganas polis dan tentera dalam bertindakbalas dengan pemberontak yang akhirnya mengancam keselamatan masyarakat.

Faktor-faktor Pengedaran

Pihak-pihak yang terlibat dalam konflik komunal di Indonesia pada awalnya hanya menggunakan senjata-senjata tradisional. Di Maluku, konflik bermula dengan tindakan saling menyerang di antara penduduk Muslim dengan penduduk Kristian hanya menggunakan senjata-senjata primitif hasil rekaan mereka sendiri, termasuklah bom rakitan. Manakala di Poso, senjata-senjata yang digunakan hanyalah seperti pedang, pisau, tombak, batu, bom molotof, *dum-dum*, *papporo*, senapang angin serta potongan-potongan kayu.

Senjata api mula digunakan di Ambon apabila penduduk Maluku yang kebanyakannya merupakan pendatang Muslim dari Jawa, Sulawesi dan Sumatera menjadi Laskar Jihad. Mereka mula menggunakan senjata moden seperti rifle, mortar, grenad dan bom serta senjata-senjata rakitan dalam bertelagah (*The Jakarta Post*, 11 Ogos 2000). Manakala di Poso, semenjak bulan Mei tahun 2000 senjata api seperti jenis M-16, AK-47, SS-1, pistol jenis FN dan revolver, mahupun senjata rakitan mula digunakan (Sangaji 2005).¹⁵ Senjata rakitan adalah istilah yang merujuk kepada senjata-senjata api yang direka dan dikeluarkan oleh bengkel-bengkel tempatan. Secara fizikal ia mirip dengan senjata api standar yang digunakan oleh TNI/POLRI

Gerakan-gerakan pemisah pada awal perjuangan mereka pun telah menggunakan senjata tradisional seperti pedang, golok, tombak dan panah. OPM mula menggunakan senjata moden apabila Tentara Pembebasan Nasional (TPN-OPM) ditubuhkan. Sepanjang konflik

berlangsung di Aceh, pelbagai jenis senjata api digunakan. Antaranya ialah senjata laras panjang jenis AK-47, M-16 dan senapan serbu SS-1, senjata laras pendek seperti pistol FN, revolver, serta berbagai-bagai grenad.

Tulisan ini mendapati bahawa banyak daripada SKR mahupun senjata rakitan yang ditemui di daerah konflik mempunyai jenis yang sama dengan senjata biasa yang digunakan oleh TNI/POLRI. Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis senjata api yang ditemui di daerah konflik dan dari mana ia berasal. Hasil kajian ini pula mendapati bahawa meskipun senjata rakitan merupakan hasil rekaan sendiri namun secara fizikalnya ciptaan senjata jenis AK-47, M-16, Colt dan senjata standard milik TNI/POLRI adalah hampir serupa. Selain itu, amunisi yang digunakan ialah amunisi asli dengan kaliber yang serupa dengan SKR milik TNI/POLRI. Ini menunjukkan adanya kebocoran dalam penghasilan senjata dan amunisi di dalam negara.

Jadual 5.1 pula menunjukkan bahawa peredaran SKR di Indonesia berasal dari dua sumber. Pertama ialah sumber dari dalam negara, iaitu senjata-senjata yang berkitar semula dari satu daerah konflik ke daerah konflik lainnya. Sumber kedua ialah daripada luar negara seperti pasaran gelap di Vietnam, Kemboja dan Thailand, Afghanistan, PNG dan Australia. SKR yang berasal daripada luar negara ini membuktikan bahawa sempadan Indonesia mudah dibolosi.

Penyeludupan SKR dipermudahkan oleh negara Indonesia sendiri yang terdiri daripada ribuan pulau (Indonesia ialah negara kepulauan terbesar di dunia yang mempunyai 17,508 pulau). Indonesia yang terletak di antara dua benua iaitu benua Asia dan Australia (Oceania), serta antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Posisi strategik yang terletak di dalam laluan perdagangan dunia ini menjadikan wilayah perairannya tidak mudah terjejas dan memudahkan penyeludupan SKR secara terselindung.


Kedudukan geografi Indonesia merupakan kawasan yang strategik bagi pengedaran haram SKR. Indonesia mempunyai empat selat yang dikenali sebagai *choke point*¹⁶ Choke point adalah laluan sempit, seperti selat, yang mana kapal-kapal mesti melintas. Dalam strategi ketenteraan, choke point adalah ciri alam seperti lembah atau kancing, yang memaksa iaitu Selat Melaka, Selat Sunda, Selat Wetar dan Selat Lombok yang merupakan laluan utama perdagangan dunia. Kebebasan pengguna menggunakan *Sea Lane of Communication* (SLOC) dan *Sea Lane of Transportation* (SLOT) membawa kesempatan terbuka yang berleluasa dalam pengedaran SKR di wilayah-wilayah perairan Indonesia. Rajah di

JADUAL 5.1 Senjata api yang ditemui di daerah konflik

Daerah	Jenis SKR	Sumber
Maluku	Rifle AK-47 M-16 SS-1 S&W 5 silinder Mortir Grenad (standard & rakitan) Senjata rakitan Bom rakitan	1. Rakitan sendiri 2. Pasaran gelap dalam negara: ▪ oknum TNI/POLRI ▪ senjata bekas pejuang Timor Timur 3. Penyeludupan dari Davao, Filipina
Poso	SS-1 M-16 Semi Automatik SKS Semi Automatik M1 Mesingan Bren MK-3 Senapan Bolt Revolver Colt, S&W Pistol Walther Sub mesingan Uzi Pelancar Grenad (GLM) Senjata rakitan Bom rakitan	4. Rakitan sendiri 5. Penyeludupan dari Filipina Selatan
Aceh	AK-47 AK-45 M-16 SS-1 Pistol FN Pistol Revolver GLM Senjata rakitan Bom rakitan	6. Rakitan sendiri 7. Oknum TNI/POLRI : 8. aktif 9. desersi 10. Pasaran gelap luar negara: 11. Thailand 12. Kamboja 13. Vietnam 14. Afghanistan 15. Perampasan dari pos pos TNI/POLRI 16. Senjata rakitan bekas konflik
Papua	M-16 SS-1 AK-47 SP-1 Pistol	17. Penyeludupan dari : Maluku 18. PNG 19. Australia

Sumber: diperoleh daripada beberapa sumber, diolah oleh penyelidik

bawah ini menunjukkan bahawa konflik-konflik dalam aman yang berlaku di Indonesia berhampiran dengan laluan-laluan *choke point*.¹⁷ Hasil temu bual dengan Robert Mangindaan, Penasihat Ahli Lembaga Pertahanan Nasional (LEMHANAS) di Jakarta, 22 Januari 2007.



RAJAH 5.1 Posisi strategik dan daerah konflik di Indonesia

Sumber: peta dimuat turun daripada <http://www.cia.gov> diakses pada 24 Mac 2007 dan diolah oleh penyidik

Selain faktor geografi di atas, kemasukan senjata ke wilayah yang bergejolak juga disebabkan oleh lemahnya kawalan ke atas sempadan. Kes pengedaran SKR di Poso menunjukkan bahawa wilayah perairan Sulawesi yang bersempadan dengan Filipina merupakan laluan utama penyeludupan senjata ke Indonesia di bahagian Timur. Dari Selatan Filipina, senjata-senjata ini ditempatkan di beberapa desa pesisir di kawasan Parigi Moutong, kepulauan Togean di Tojo Una-Una dan Kolondale atau Bungku Selatan di Morowali. Pintu-pintu lain yang digunakan ialah sempadan antara Malaysia – Indonesia, iaitu daripada Selatan Filipina, semua senjata telah diseludup ke Tawau (Sabah) dan kemudian memasuki Nunukan (Kalimantan Timur) untuk terus dibawa ke Poso (Sangaji 2005).

Wilayah sempadan Malaysia di Tawau Borneo, Sabah juga menjadi pintu masuk bagi penyeludupan senjata api ke Aceh (*Kompas*, 22 Ogos 2001). Penyeludupan senjata ke Aceh ialah antara laluan utama senjata-senjata daripada pasaran gelap di seluruh rantau Asia Tenggara.

Senjata-senjata daripada Indochina dihantar melalui perairan melewati Selatan Thailand dan melintasi Selat Melaka menuju Aceh (Capie 2005). Manakala SKR di Papua, kebanyakan senjata diseludup daripada sempadan Indonesia-Papua New Guinea (PNG).¹⁸ Hasil temu bual bersemuka dengan pihak penguat kuasa keselamatan di Polis Daerah Papua, Jayapura pada 7 Julai 2008.

Pengedaran haram SKR di Indonesia menjadi lebih buruk apabila penglibatan *oknum-oknum*¹⁹ Oknum adalah istilah yang digunakan untuk mereka yang mengaku sebagai anggota tentera mahupun polis dalam melakukan aktiviti yang tidak sah penguatkuasaan keselamatan. Alasan utama para *oknum* menjual senjata ialah untuk mengaut keuntungan. Di Maluku, ketika konflik berlangsung, harga satu senjata jenis M-16 mencecah IDR16-20 juta (antara RM6400-RM8000), manakala senapan serbu jenis SS-1 ditawarkan IDR5-6 juta (antara RM2000-RM2400). Sebutir peluru dijual dengan harga IDR2,000 (sekitar RM0.80), dan harga-harga ini akan menjadi berlipat kali ganda apabila situasi menjadi bertambah buruk (*Tempo*, 18 Mei 2002). Harga senjata dari Filipina seperti pistol model Colt 38 ialah IDR750 ribu (RM300), sedangkan sepucuk pistol FN yang dibeli di Filipina berharga 2,500peso (RM200), di Sulawesi Utara dibeli dengan harga IDR2 juta (RM800) (*Gamua*, 28 Mac 2000). Sedangkan senjata-senjata bekas konflik Ambon dijual di Papua dengan harga antara IDR150,000 (RM60) sehingga IDR250,000 (RM100) bagi setiap laras senjata (*Kompas*, 06 Mei 2003). Nilai jualan senjata dan peluru yang semakin tinggi itulah mengakibatkan *oknum* TNI/POLRI terlibat dalam perniagaan senjata api di pasaran gelap demi mengaut keuntungan.

Bekalan senjata daripada *oknum* pegawai keselamatan selain yang bermotifkan ekonomi turut menyentuh sentimen keagamaan atau perkauman. Pihak-pihak yang terlibat dalam konflik Maluku yakin bahawa pihak keselamatan turut terlibat dalam pengedaran SKR di Maluku. Bahkan, pihak keselamatan yang ditemu bual mengakui bahawa pada awal konflik ramai di antara mereka memihak kepada salah satu kumpulan yang terlibat.²⁰ Temu bual bersemuka dengan pihak-pihak yang pernah terlibat dengan konflik, di Ambon, Maluku pada 11 Julai 2008. Penyelidikan Adijondro (2000) pula mendapati bahawa seramai 80 peratus anggota tentera yang dihantar ke Maluku ialah Muslim. Keadaan ini jelas menguntungkan kumpulan Muslim dan merosakkan keseimbangan kekuatan sebelumnya. Namun bagi kumpulan Muslim hal tersebut adalah perkara yang wajar. Mereka berpandangan bahawa

penggunaan senjata-senjata moden adalah kerana pihak Kristian telah menghancurkan rumah-rumah orang Muslim dan membunuh saudaramara mereka dengan senjata moden seperti grenad dan bazooka.²¹ Begitu juga di Poso, penglibatan oknum disebabkan oleh perasaan emosi terhadap ikatan kumpulan, kaum dan agama tertentu (Sangaji 2005).

Kesan SKR Terhadap Keselamatan Insan

Sepanjang terjadinya konflik dalaman di Indonesia, pengedaran dan penggunaan SKR telah membawa kesan langsung kepada keselamatan insan. Secara amnya, penduduk awam di daerah konflik memang selalu menjadi korban langsung daripada SKR kerana mereka yang akan mengalami kematian, kecederaan mahupun keganasan yang berlaku. Ini tidak sesuai dengan slogan keselamatan insan yang dinyatakan oleh Kofi A Annan, mantan Setiausaha Agung PBB, iaitu *freedom from want* dan *freedom from fear*.

Secara konsep, keselamatan insan lebih merujuk kepada keselamatan individu dan keselamatan masyarakat daripada keselamatan negara. Namun ketiga-tiganya saling berkaitan kerana negara boleh menjadi sumber ancaman bagi warganegaranya melalui dasar-dasar yang dikeluarkannya. Negara seringkali menafikan keselamatan warganegara dengan alasan demi menjaga keselamatan nasionalnya (Buzan 1991). Meskipun demikian, keupayaan untuk menjamin keselamatan individu dan masyarakat menjadi tanggungjawab negara.

Berdasarkan laporan Suruhanjaya Keselamatan Insan, keselamatan insan juga bermakna sebagai perlindungan penduduk terhadap ancaman dan keadaan genting. Menghormati hak asasi manusia merupakan teras perlindungan keselamatan insan. Antara cara untuk meningkatkan keselamatan insan ialah melindungi warga dalam keganasan konflik (*Commission on Human Security* 2009).

Dalam tulisan ini, SKR dinyatakan sebagai ancaman bagi keselamatan insan apabila ia telah mengancam keselamatan individu iaitu menyebabkan kematian dan kecederaan. Ia pula mengancam keselamatan masyarakat apabila berlaku keganasan yang melibatkan senjata bagi kumpulan-kumpulan pemberontak dan membawa kepada pelarian. Manakala SKR dinyatakan sebagai ancaman bagi keselamatan negara apabila ia mengancam keutuhan wilayah dan mengancam kedaulatan negara.

Kematian dan Kecederaan

Ramai penduduk awam terkorban sepanjang berlangsungnya konflik-konflik dalaman di Indonesia. Meskipun tidak ada data sahih mengenai jumlah korban di beberapa daerah konflik, namun angka kematian dan kecederaan cukup membimbangkan. Wilson (2008) yang mengkaji konflik dalaman Indonesia mendapati bahawa 75 peratus kematian daripada korban konflik disebabkan oleh keganasan kolektif. Sebanyak 18 peratus di antaranya merupakan korban konflik Maluku. Mengenai jumlah korban konflik di Maluku sendiri terdapat beberapa perbezaan data. Berdasarkan laporan Kepala Polis Republik Indonesia kepada Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) 3 Jun 2002, korban tewas akibat konflik Maluku daripada tahun 1999-2002 berjumlah 1,842 orang (CARDI 2005). Namun ICG mencatatkan jumlah korban tewas di Maluku lebih banyak lagi iaitu berkisar 3,500 orang. Manakala Alhadar (2000) dan Dodd (2000) mendapati lebih kurang 40 peratus korban, atau sekitar 4000 orang, terkorban di Maluku Utara; 40 peratus lainnya di Maluku Tengah (Seram, Ambon dan Pulau Lease); dan 20 peratus meninggal di Maluku Tenggara terutamanya di Banda, Aru dan Pulau Kei.

Korban meninggal dunia di Poso juga mencapai ribuan mangsa. Dianggarkan lebih daripada seribu orang telah tewas dan sekitar 2,000 dinyatakan hilang dan ratusan lainnya menderita serta cacat seumur hidup (*Berita Sore*, 17 Mac 2008). Mangsa korban terus berlarutan meskipun konflik dan keselamatan di Poso telah terkawal. Merujuk catatan KONTRAS, antara bulan Oktober 2006 sehingga Januari 2007 seramai 14 orang meninggal dunia dengan luka akibat tembakan serta 6 orang mengalami kecederaan akibat senjata api. Mereka menjadi korban akibat tembakan yang dilakukan oleh pihak keselamatan mahupun oleh penyalahgunaan senjata api oleh masyarakat awam (KONTRAS 2007).

Di Aceh, dalam masa satu tahun pasca pelaksanaan darurat militer, TNI menyatakan telah membunuh 2,000 orang anggota GAM (Huber 2004; *The Jakarta Post*, 6 Mei 2004). Dianggarkan seramai 10,000 orang meninggal semenjak pemberontakan di Aceh tahun 1980 (Wilson 2008). Meskipun status Aceh telah ditarik balik oleh pemerintah pada bulan ogos 1998, tetapi sehingga akhir tahun 1999 dianggarkan 447 warga terbunuh dan 144 orang lainnya dinyatakan hilang (Crouch 2000). Korban tewas berterusan meskipun telah ada persefahaman yang ditandatangani. Merujuk catatan KONTRAS, 14 orang terbunuh semenjak satu tahun nota kesefahaman damai dilaksanakan (KONTRAS 2006). Manakala ICG

merakamkan telah terjadi 9 kali tembak menembak antara TNI dan GAM yang menewaskan 2 orang (ICG 2005). Meskipun demikian, kes-kes tersebut tidak sampai mengganggu kedamaian yang telah wujud

Di Papua, beberapa polis dan warga awam telah terkorban dalam serangan-serangan bersenjata yang terjadi. Selama pelaksanaan operasi militer di Papua sahaja, pada era rejim Orde Baru, 100 ribu penduduk asli Papua terbunuh. Sasaran pembunuhan tidak sahaja terhadap tokoh OPM, tetapi juga terhadap masyarakat Papua yang dipandang sebagai asas kekuatan OPM (*Sampari*, 2 Februari 2006). Kebanyakan daripada korban di Papua meninggal kerana terkena tembakan senjata api biasa yang sepatutnya hanya boleh digunakan oleh anggota TNI/POLRI sahaja. Misalnya, kes penembakan kaki tangan PT. Freeport di Timika pada 31 Ogos 2002. Penembakan di Mile 62 iaitu wilayah di antara Timika dan Tembagapura ini telah membunuh Tid Bargon dan Ricky Saipar, kedua-duanya warganegara Amerika Syarikat dan seorang lainnya bernama SS Bambang Riwanto warga negara Indonesia (Dephan 2002).

Kebanyakan kes-kes pembunuhan yang menggunakan senjata api menimbulkan trauma kepada masyarakat dan mengakibatkan dilema keselamatan. Pilihan bagi mereka yang berada di daerah konflik hanya membunuh atau dibunuh sahaja. Ia menjadi salah satu alasan bagi mereka untuk terus menyimpan senjata. Mereka tidak yakin terhadap jaminan keselamatan daripada pihak penguatkuasa keselamatan. Keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan semua pihak. Perasaan bahawa mereka semua adalah korban konflik boleh menimbulkan rasa dendam dan jika ada kesempatan ia akan dibalaskan melalui kekerasan juga.

Keganasan dalam Masyarakat

Penggunaan SKR juga menjadi pemangkin keganasan yang berlaku dalam masyarakat. Keganasan tersebut terus berlanjutan meskipun konflik telah berakhir. Di Poso mahupun di Palu, terdapat 60 kes keganasan antara tahun 2005-2006 (*Suara Pembaharuan*, 2 Januari 2007). Bentuk-bentuk keganasan yang kerap terjadi antaranya iaitu merosak, membakar dan meledakkan bangunan-bangunan sama ada ia merupakan rumah tinggal ataupun tempat-tempat awam. Keganasan seperti ini telah menjadi cara bagi warga masyarakat untuk meluahkan perasaan mereka.

Penyelidikan Adijondro (2000) banyak mendapati fakta-fakta keganasan dalam konflik komunal Maluku. Seorang warga Maluku, Umelto Labetubun menyatakan bahawa mereka sudah sudah terbiasa dengan

senjata, bahkan beliau mampu membezakan suara antara senjata jenis M-16 ataupun AK-47. Bahkan seorang kanak-kanak bercerita kepada pendeta Katholik Agus Ulahayanan, bahawa ia telah membakar sebuah rumah hanya untuk meluahkan kesedihannya (*The New York Times*, 9 Februari 2000). Kanak-kanak pun telah terbiasa dengan kekerasan yang setiap hari terjadi. Mereka memahami dan mengetahui bagaimana menghasilkan senjata yang mematikan daripada bahan-bahan yang tersedia ada (*Sydney Morning Herald*, 16 Mac 1999). Antara 2,000 hingga 4,000 kanak-kanak yang berusia 7-12 tahun terlibat dalam peperangan untuk mempertahankan dan melindungi desa mereka. Mereka dikenali sebagai Pasukan Agas (*Tempo*, 23 Januari 2000).

Pembinaan rumah-rumah daripada kumpulan musuh memang menjadi sasaran utama selama konflik komunal berlangsung. Konflik di Maluku telah membinasakan 41,000 rumah, 23,300 di antaranya ialah rumah-rumah di Maluku Utara (Bakornas 2003). Manakala di Poso, sejumlah 16,474 rumah rosak sepanjang berlakunya konflik (Swisher, G & Suaib 2004). Konflik juga telah membinasakan banyak bangunan awam seperti tempat ibadah, pejabat kerajaan, kedai dan tempat-tempat perniagaan lain.

Bangunan sekolah juga menjadi sasaran keganasan konflik. Di Maluku misalnya, sebanyak 5 buah tadika, 100 buah sekolah rendah, dan 34 buah sekolah menengah dibinasakan sepanjang konflik berlaku (UNDP 2004). Di Sulawesi Tengah sehingga Disember 2001 sebanyak 60 buah sekolah juga telah dibinasakan semasa keganasan konflik (Wilson 2004: 65). Pendidikan tinggi pun terkena kesan buruk konflik yang berlaku. Para penyokong kumpulan Muslim, Laskar Jihad, telah membinasakan kampus Universitas Kristen Indonesia di Maluku (UKIM), Universitas Pattimura dan Politeknik UNPATTI (TAPAK Ambon 2000). Manakala hasil rakaman di Aceh, pada Januari 2004 lebih daripada 70,000 pelajar tidak dapat menghadiri sekolah kerana kerosakan bangunan sekolah mereka. Wilayah yang paling parah kerosakannya kerana kesan konflik ialah desa-desa di Pidie dan Bireun (*Antara*, 20 Januari 2004).

Selepas perjanjian damai ditandatangani, kes-kes jenayah di Aceh meningkat secara drastik. Ketua Polis Daerah NAD ketika itu, Encik Irjen Bachrumsyah Kasman menyatakan angka jenayah mencecah hingga 372 peratus. Polis telah merakamkan sebanyak 49 kes rompakan bersenjata yang terjadi di Aceh. Panglima Kodam Iskandar Muda ketika itu, Mejer Jeneral Supiadin AS menyatakan secara tegas bahawa masih banyak senjata yang berada pada penjenayah (*Acehkiti*, 1 Jun 2006). Di sini

tidak jelas menunjukkan siapakah yang dimaksudkan sebagai penjenayah tersebut, tetapi ia lebih merujuk kepada GAM. Mantan gerila GAM yang kini menjadi Bupati (Datuk Bandar) Aceh Utara, Ilyas Hamid atau Ilyas Passe menolak kenyataan tersebut. Sesiapapun boleh menjadi pelaku dalam sesuatu jenayah, bukan hanya GAM. GAM memang sentiasa dijadikan kambing hitam untuk semua tindakan kekerasan yang berlaku di Aceh yang juga boleh dilakukan oleh pihak lain.²² Hasil temu bual dengan Tb. Erif Faturahman, seorang pengamat konflik Aceh, di Jakarta 18 Februari 2008.

Di Papua, keganasan bersenjata di antara pasukan TNI dengan OPM menimbulkan ketakutan dan perasaan tidak selamat dalam diri masyarakat. Tindakan kumpulan pemisah yang sering membuat rusuhan bertindak balas dengan tegas oleh TNI, akibatnya masyarakat awam yang merasai kesannya. Misalnya peristiwa di Wassior yang bermula apabila sekumpulan orang bersenjata menyerang PT. Darma Mukti Persada (DMP) di Kecamatan Wasior pada 13 Mac 2001. Dalam peristiwa tersebut tiga orang pegawai PT DMP menjadi mangsa korban. Kemudian pada 13 Jun 2001 berlaku lagi serangan terhadap *base camp* CV. Vatika Papua Perkasa (VPP) di desa Wondiboi. Peristiwa itu menyebabkan 5 orang anggota BRIMOB dan 1 orang warga meninggal dunia. Sebagai tindak balas daripada peristiwa tersebut, Polda Papua melaksanakan operasi pemburuan besar-besaran terhadap penganas di pelbagai wilayah desa di sekitar Wasior. Para pemimpin agama di Papua memandag operasi ini sebagai melampau kerana pihak polis telah menangkap sekurang-kurangnya 16 orang pegawai VPP dan menganiaya warga awam, membunuh sekurang-kurangnya 6 orang penduduk, merosakkan sebanyak 51 rumah penduduk di Wasior, Wondama, Wondiboi, Senderawoi, Sanoba, Wombu dan Isey (www.hampapua.org diakses pada 20 Mei 2009). Peristiwa ini dipandang sebagai pencerobohan ke atas hak asasi manusia dan telah dilakukan soal selidik dan kemudian diserahkan kepada pihak Mahkamah Agung.

Ketika senjata masih berleluasa di daerah konflik, adalah sukar untuk melaksanakan program-program perdamaian dan pembinaan semula. Keganasan terus wujud dan rusuhan boleh terjadi pada bila-bila masa. Manusia yang sangat marah mudah terbakar emosinya dan akan bertindak untuk membakar semula rumah-rumah serta fasiliti awam yang dibina semula seperti yang baru sahaja terjadi di Ambon.

Pelarian Dalam

Konflik dalaman di Indonesia telah memaksa penduduk yang tinggal di daerah konflik untuk keluar menyelamatkan diri. Kebanyakan penduduk yang terpaksa meninggalkan wilayah konflik ialah para pendatang yang bukan orang asli daerah itu. Akibat isu anti BBM, ramai penduduk asal daripada BBM meninggalkan Maluku. Semenjak rusuhan itu, pertembungan dengan isu anti BBM mulai menyebar luas ke seluruh wilayah Maluku seperti di Aru, Kei, Maluku Utara, Tanimbar, Buru dan bahkan menyebar jauh hingga Pulau Lombok. Lebih kurang 860 ribu penduduk telah meninggalkan Maluku, yang mana 280,000 orang hidup di kem pelarian di Maluku Selatan dan sekitar 78,000 orang tinggal di Maluku Utara (*Tempo*, 7-13 Ogos 2000). Kebanyakan daripada pelarian lari ke pulau-pulau tetangga, yang mana Sulawesi Utara menjadi destinasi utama bagi penduduk Kristian Maluku. Manakala warga Muslim yang kebanyakannya adalah para pendatang Bugis dan Makasar, berusaha kembali ke tanah kelahiran mereka iaitu Sulawesi Selatan dan Tenggara. Angka orang Buton yang kembali mencecah angka 107 ribu orang, atau sekitar 22 peratus (*Antara*, 17 Mei 2000). Setelah ketibaan Laskar Jihad, gelombang pelarian warga Kristian Maluku semakin marak. Antara 18,000–30,000 pelarian kembali ke asal mereka iaitu Papua Barat, dan sekitar 4,000 menuju Nusa Tenggara Timur (*Kompas*, 31 Julai 2000). Hingga suku akhir 2005 seramai 15,788 orang telah menjadi pelarian domestik (internally displaced persons/ IDPs) dengan perincian 14,438 orang masih berada di wilayah Maluku dan 1,350 berada di luar Maluku (CARDI 2005).

Begitu juga di Papua, kewujudan para pendatang dari luar kepulauan melalui program transmigrasi telah menimbulkan kecemburuan dalam ekonomi. Kebanyakan para pendatang mempunyai tahap ekonomi yang lebih baik. Selain mendapat bantuan daripada pihak kerajaan mereka juga lebih rajin bekerja. Dalam situasi konflik, para pendatang sering menjadi sasaran serangan para militan Papua. Oleh yang demikian, kini ramai daripada para pendatang membawa senjata rakitan (*Human Rights Watch*, 2001). Namun banyak pula penduduk asli Papua yang juga terpaksa menjadi pelarian. Akibat operasi keselamatan yang dilaksanakan TNI/POLRI untuk mencari pelaku rusuhan, ramai penduduk ketakutan dan memilih untuk melarikan diri dan tinggal di hutan-hutan atau daerah yang lebih aman. Bahkan merujuk catatan Bulan Sabit Internasional,

lebih kurang pelarian asal Papua yang berada di Papua New Guinea dan meminta untuk pulang kembali ke Papua (*Gatra*, 25 November 2005).

Manakala para pelarian konflik Poso tidak mahu untuk kembali ke Poso kerana merasakan tidak ada kepercayaan ke atas jaminan keselamatan pihak penguasa keselamatan. Merujuk data Poso Centre, sehingga akhir tahun 2007 sekitar 20,000 keluarga pelarian yang tidak mahu kembali ke rumahnya. Kebanyakan mereka ialah warga Poso Kota dan sebahagian kecil warga Poso Pesisir, Tentena. Ketika konflik terjadi pada Disember 1998 hingga Mei 2000, para pelarian tersebut lari ke Palu, Manado, Makassar (*Suara Pembaharuan*, 2 Januari 2007).

Mereka melarikan diri menuju ke daerah-daerah yang kebanyakan penduduknya mempunyai pegangan agama yang sama. Penduduk beragama Islam memilih untuk melarikan diri ke Dongala, Palu, Gorontalo (Sulawesi Utara) dan Sulawesi Selatan. Sedangkan penduduk beragama Kristian menuju ke Tentena, Lore Utara, Tanah Toraja (Sulawesi Selatan), Manado dan Minahasa (Sulawesi Utara). Penumpuan penduduk ini menyebabkan sentimen keagamaan semakin kuat sehingga kesan konflik menjadi semakin berleluasa (Sangaji 2000).

Arus pelarian di pelbagai daerah mengakibatkan masalah kemanusiaan yang lain. Sehingga kini mangsa korban konflik Aceh masih ramai yang perlu mendapat perhatian secara ekonominya. Lebih kurang 16,000 keluarga mangsa korban konflik Aceh masih terdapat di Sumatera (*Medanbisnisonline*, 10 Januari 2009). Jumlah ini jauh berkurangan ketika Aceh masih berstatus DOM, yang mana jumlah pelarian mencapai 100 ribu (Huber 2004). Meskipun belum semua penduduk mendapat bantuan yang secukupnya tetapi sekurang-kurangnya warga Aceh ini mempunyai harapan apabila perjanjian damai ditandatangani. Warga Aceh yang melarikan diri akibat pertempuran sekarang merasa aman untuk kembali dari daerah lain di Indonesia, Malaysia, Eropah dan Amerika Syarikat (Burdock 2006).

Rumusan

Pengedaran haram SKR di wilayah-wilayah konflik di Indonesia telah mengancam keselamatan insan. Ramainya korban yang tewas dan cedera di wilayah konflik membuktikan bahawa keselamatan individu di sekitar daerah konflik sedang terancam. Ancaman SKR terhadap masyarakat dapat dirasai daripada tingginya tingkat keganasan yang berlaku dalam

masyarakat. Akibat langsung dari konflik-konflik bersenjata ini telah memaksa penduduk melarikan diri ke luar daerah konflik. Kesan daripada ramainya pelarian di beberapa daerah, terutama wilayah yang bersempadan dengan daerah konflik telah memunculkan krisis kemanusiaan. Korban konflik di Maluku misalnya, ramai yang belum menerima bantuan meskipun mereka telah kehilangan harta, benda dan bahkan nyawa anggota keluarga mereka. Begitu pula di Poso, ramai penduduk tidak berani kembali ke rumah mereka kerana masih trauma dengan konflik sehingga masih menjadi beban wilayah kejirannya.

Tulisan ini mendapati bahawa terdapat dua alasan utama mengapa ramai orang memiliki senjata meskipun secara tidak sah. Pertama, dalam situasi konflik hanya ada dua pilihan iaitu "membunuh atau dibunuh" sehingga orang memilih memiliki senjata untuk menjaga keselamatan dirinya. Kedua, dalam situasi damai orang masih juga merasa perlu memiliki senjata kerana mereka tidak percaya adanya jaminan keselamatan daripada pihak kerajaan. Dengan ayat lain, pihak kerajaan gagal meyakinkan tahap keselamatan kepada warganegaraanya. Hal ini akan menimbulkan dilema keselamatan, kerana usaha mereka untuk menjamin keselamatan masing-masing justeru akan mengancam orang lain. Munculnya rasa tidak selamat berlakunya keganasan dalam masyarakat yang berterusan pada akhirnya boleh mengancam keselamatan negara. Jika hal ini tidak diambil berat secara serius, ertinya pihak kerajaan tidak mampu menjaga kepentingan nasionalnya iaitu melindungi keselamatan dan menjamin kesejahteraan seluruh rakyat Indonesia.